

KAMI sebuah negara kecil, tetapi rakyat kami berjiwa besar. Kami adalah bangsa yang ramah dan terbuka kepada semua tetamu. Datanglah ke negara kami dengan bunga, seni dan buku — bukan senapang, bukan bom dan peluru.

Demikian pernah saya sebutkan dalam suatu pertemuan ceramah di hadapan mahasiswa dan sarjana Russia yang mengkaji Dunia Melayu di Moscow ketika mengunjungi negara besar itu pada tahun 1972.

Kini kata-kata ini menjadi segar apabila Kremlin mencabar Rumah Putih bahawa demi kesejahteraan umat manusia dan keamanan dunia marilah kita sama-sama dengan jujur dan adil menghapuskan peluru-peluru berpandu nuklear dan mengharamkan sebarang ujian senjata nuklear.

Sehingga rencana ini ditulis (13 Ogos 1987), Amerika Syarikat masih membisu dan Rumah Putih kehilangan suara. Mungkin *cow-boy* Rumah Putih terlalu sibuk dengan tugas sebagai Polis Dunia (lantikannya sendiri) untuk kononnya mengawal keamanan di perairan Teluk sebagaimana mereka melantik diri sendiri sebagai Polis Dunia ketika berlaku perang dan serangan di Lebanon tahun 1982 dulu.

Inilah watak pemerintah Amerika Syarikat yang senantiasa ikut campur dan tukang sibuk dalam urusan rumahtangga orang lain, terutama Dunia Ketiga.

## Perang nuklear

Lelaki dari Kubang Pasu, Kedah, datang membuka kartu di meja perundingan di Kremlin pada pagi Jumaat 31 Julai 1987. Dia tidak pernah berasa kecil dan rendah diri dengan siapa pun yang ditemuinya dan siapa pun yang dihadapinya. Dia mampu melayani, menghujah dan berdialog. Malah dialah Perdana Menteri yang memberikan tentangan jantan dan tajam mengkritik tuan-tuan besar Dunia Barat yang selalu memandang rendah dan hina kepada bangsa-bangsa Dunia Ketiga yang pernah mereka jajah dan yang telah mereka rompak emas dan getahnya, bijih dan kayu-kayannya, rempah ratus dan gadingnya.

"...Perdana Menteri bukan saja menyatakan sokongan kepada usaha meredakan ancaman perang nuklear, malah menggesa semua negara, kecil dan besar, tidak kira sistem ekonomi dan politik, supaya menjadikan penghapusan senjata nuklear sebagai dasar dan perjuangan mereka." Demikian wartawan A Kadir Jasin, Ketua Pengarang, Kumpulan Berita Harian menulis.

# Lelaki dari Kubang Pasu

© Dr. Mahathir

BH 16 SEP 1987

Oleh USMAN AWANG

Ungkapan ini sangat penting ditegaskan, sebab jika Kremlin dan Rumah Putih sahaja menyatakan persetujuan, keadaan masih tetap tegang sebab masih ada beberapa negara yang telah memiliki senjata nuklear lebih daripada patut. Negara Israel adalah contoh paling jelas. Negara Israel ini telah memiliki begitu banyak senjata nuklear. Khabarnya Amerika Syarikat sendiri sebagai bapa angkatnya berasa bimbang dengan kemajuan dan kepesatan persenjataan Israel yang sejak dua puluh tahun terakhir ini telah memiliki lebih 100 bom nuklear yang disimpan di gua batu di wilayah padang pasir Nebev.

A Kadir Jasin yang ikut serta dalam rombongan Perdana Menteri mengunjungi negara Kesatuan Soviet itu menyebutkan dalam tulisannya (Berita Harian, Sabtu 8 Ogos, 1987) bahawa "Datuk Seri Dr Mahathir mencatat sejarah sebagai pemimpin asing yang mengadakan rundingan paling lama dengan Encik Gorbachev di Moscow." Beberapa pegawai Wisma Putra telah mengesan pancaran pengaruh Perdana Menteri di kalangan pemimpin negara Kesatuan Soviet. Keberkesanan ini, terutamanya disebabkan sikap terbuka dan pendirian liberal pemimpin Kesatuan Soviet yang menyedari bahawa mereka adalah sebahagian daripada penghuni rantau Asia-Pasifik.

Tidaklah sia-sia Allahyarham Tun Razak membentuk dan menyusun dasar luar Malaysia yang bebas dan berkecuali tetapi aktif dan progresif. Tidaklah sia-sia Datuk Hussein Onn memegang tangan Dr Mahathir dan mengangkatnya tinggi di hadapan perwakilan Perhimpunan Agung Umno yang diikuti dengan gaung gema tepukan. Lelaki dari Kubang Pasu ini mencuba memberikan imej baru bangsa dan negaranya di mata dunia sejagat. Sejarah telah memberikan kesempatan yang di-

berikan kepada pemimpin dan Perdana Menteri lain untuk menerajui bangsa dan negara. Ini bukan suatu perjuangan dan usaha yang menuntut kebijaksanaan akal dan budi. Dia sendirilah yang menentukan visinya, dia sendirilah yang mencipta gagasan dan dia sendirilah yang meletakkan panggang tanda zaman.

Seorang pemimpin bukan sekadar melanjutkan tetapi membaharui dan membijaksakan jalan sejarah bangsa dan negara yang telah dipercayakan kepadanya. Lelaki dari Kubang Pasu itu mengajak kita bangkit dan berdiri sebagai suatu bangsa yang gigih, berdisiplin, bermaruah dan mempunyai harga diri. Dia menerapkan pesan nenek moyang: Duduk sama rendah berdiri sama tinggi.

Dunia Barat dengan sejarah penaklukan, penjajahan dan pmerasannya harus dihadapi secara jantan, bukan tertunduk-tunduk dengan sikap jiwa hamba, bukan memohon belas kasihan bantuan wang dan teknologi yang memang tidak mungkin diberikan begitu sahaja, bukan dengan mengampu dan menyokong apa sahaja tindakan Barat dan menjadi pengundi yang 'yes sir' di Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu.

Lelaki dari Kubang Pasu itu mulai memberikan bentuk kepada bangsa dan negaranya. Dia menyedari bahawa bangsa dan negara yang dihormati sahalah yang dilayan secara wajar untuk mencipta kemajuan dalam semua bidang.

Tiga puluh tiga tahun yang lalu ombak sejarah menjulangkan kelahiran dunia baru — Dunia Ketiga — untuk mengimbangi dua dunia besar yang dikatakan menguasai jagat kita. Semangat Afro-Asia menyala membahangi Dunia Barat dan sekali-gus nama kota Bandung, tempat persidangan pe-

mimpin-pemimpin Dunia Ketiga segera terungkap ke serata dunia. Pemimpin Revolusi Indonesia, Sukarno, dianggap sebagai Bapa Dunia Ketiga bukan sahaja kerana gagasannya mewujudkan Persidangan Bandung, tetapi kerana ketokohan dan kemampuannya menghadapi keangkuhan Dunia Barat.

Dunia sekarang ini semakin bergolak, perimbangan persenjataan nuklear semakin menakutkan, bahawa perang bintang semakin jelas, Asia Barat bersimbah darah, ketegangan dan masalah Timur-Barat, Utara-Selatan dan segalanya menuntut keunggulan pemimpin-pemimpin Dunia Ketiga. Agak malang dalam dekad terakhir ini Dunia Ketiga seakan kehilangan suara. Sejarah telah menganugerahkan nama-nama negarawan besar seperti Sukarno, Nehru, Jomo Kenyata, Chau En Lai, Tito, Jamal Nasser, Ho Chih Minh, Lumumba, Ahmad Ben Bella dan lain-lain telah mewarnai imej Dunia Ketiga pada tahun-tahun 50-an dan 60-an.

Sayang, patah tidak tumbuh, hilang tidak berganti. Bandung kehilangan semangatnya, Asia-Afrika yang kemudian berkembang kepada Asia-Afrika-Amerika Latin kehilangan lonjaknya. Keadaan dengan jelas menunjukkan bahawa Dunia Ketiga menuntut rumusan baru, gagasan baru dan pemimpin-pemimpin baru. Siapakah negarawan Dunia Ketiga yang bakal tampil ke muka membijaksakan sejarah baru ini?

Sebiji bintang di langit tanahair mulai memperlihatkan sinarnya di cakerawala zaman. Bintang baru itu teruji oleh awan berarak yang menyaputinya. Namun kerdipannya menembusi gumpalgumpalan mega mendung dan sinarnya terpancar terang di langit Dunia Ketiga.

Lelaki dari Kubang Pasu, engkaukah itu bintang baru di langit tanahairku? — *Dipetik daripada Dewan Budaya September 1987.*